


Township Development

PEMBANGUNAN PERBANDARAN



left: Quality finishes have become the hallmark of Gamuda Land.

kiri: Kemasan yang berkualiti telah menjadi mercutanda Gamuda Land.

bottom left: The unique alphabet garden at Bandar Botanic's 80-acre botanical park land.

bawah kiri: Taman abjad yang unik di taman botani Bandar Botanic.



Increased sales and construction progress from Bandar Botanic, Kota Kemuning and Valencia boosted contributions from this division to 22%.

Jualan yang meningkat dan kemajuan kerja-kerja pembinaan di Bandar Botanic, Kota Kemuning dan Valencia telah meningkatkan sumbangan daripada bahagian ini kepada 22%.

Innovative township planning at the award winning Bandar Botanic is the pride of Gamuda Land.

Perancangan perbandaran yang inovatif di Bandar Botanic yang memenangi anugerah menjadi kebanggaan Gamuda Land.

Township Development

PEMBANGUNAN PERBANDARAN



from top / dari atas:

Well designed homes amidst lush greenery at Bandar Botanic.

Rumah-rumah dengan reka bentuk menarik dalam suasana kehijauan di Bandar Botanic.

View of the serpentine lake at Bandar Botanic.

Pemandangan tasik serpentine di Bandar Botanic.

Increased sales and construction progress from Bandar Botanic, Kota Kemuning and Valencia boosted contributions from this division to 22% of group's earnings. Good take-up rates from launches over the year have enabled the division to sustain an unbilled order book of RM700 million, among the largest in the industry.

Bandar Botanic

Winner of the FIABCI 2003 Award for Best Master Planning, Bandar Botanic has set a new benchmark for township development in the Klang Valley. Its signature 80 acre Central park and 3 km lake set amidst themed gardens and other amenities in Parcel A, has created a strong impression on discerning house-buyers who continue to seek out Bandar Botanic's uniquely planned properties.

Initial deliveries of the first phase in Parcel A will begin from the end of 2003 while initial launches of Ambang Botanic which is located in Parcel B has started. The interchange connecting Parcels A and B is well underway and should be ready by the end of 2004. Parcel B will contain Klang town's only gated development with 24-hour security. A clubhouse with superior amenities is also under development.

Jualan yang meningkat dan kemajuan kerja-kerja pembinaan di Bandar Botanic, Kota Kemuning dan Valencia telah meningkatkan sumbangan daripada bahagian ini kepada 22% daripada perolehan kumpulan. Sambutan yang menggalakkan daripada pelancaran jualan pada tahun kewangan telah membolehkan bahagian ini mengekalkan buku pesanan belum dibil sebanyak RM700 juta. Jumlah ini adalah di antara yang terbesar dalam industri.

Bandar Botanic

Bandar Botanic, yang memenangi Anugerah Kecemerlangan Hartanah FIABCI 2003 bagi kategori Pelan Induk Terbaik, telah membawa piawaian baru ke dalam pembangunan taman perumahan di Lembah Klang. Daya tarikan utamanya, Central Park seluas 80 ekar dan tasik 3 km yang dikelilingi taman tema dan kemudahan-kemudahan lain dalam Parcel B, telah memberikan paparan yang mengagumkan dan menarik pembeli yang memilih dan mencari kediaman dalam persekitaran unik Bandar Botanic.

Penyerahan fasa pertama Parcel A akan bermula pada hujung 2003 manakala jualan Ambang Botanic yang terletak dalam Parcel B telah dimulakan. Pembinaan persimpangan bertingkat yang menghubungkan Parcel A dan B sedang berjalan lancar dan seharusnya siap menjelang akhir 2004. Parcel B akan menempatkan satu-satunya taman perumahan berpagar dengan kawalan keselamatan 24 jam di bandar Klang. Sebuah rumah kelab dengan pelbagai kemudahan yang menarik juga sedang dibangunkan.



top: Residents-only golf course at the exclusive Valencia development.

atas: Padang golf eksklusif untuk penghuni di taman perumahan Valencia.

left: Kemuning Hills, a gated development, overlooks the Ross Watson-designed Kota Permai golf course.

kiri: Kemuning Hills, projek kediaman berpagar, menghala ke padang golf Kota Permai yang direka bentuk oleh Ross Watson.

Kota Kemuning

This township continues to draw on its award-winning reputation for best township design and has seen good sales of its recent launches at Kemuning Hills and the Canal Gardens. The maturation of the township is evident as more businesses set up in the town centre attracted by the high occupancy of completed properties as well as visitors from surrounding catchments.

Valencia

Much of the infrastructure for this exclusive gated residential development is now ready to welcome the initial buyers who will be receiving their properties from the end of the year. The 9-hole residents-only golf course is ready and playable and the clubhouse will have a soft opening by the end of the year.

Kota Kemuning

Pelancaran jualan Kemuning Hills dan Canal Gardens baru-baru ini mendapat sambutan hebat, membolehkan Kota Kemuning yang memenangi anugerah reka bentuk taman perumahan terbaik ini terus mencipta nama. Kematangan taman perumahan ini terbukti apabila semakin banyak syarikat membuka perniagaan di pusat bandarnya kerana tertarik dengan kadar penghunian bangunan-bangunannya yang tinggi dan juga kedatangan ramai pelawat dari kawasan-kawasan berhampiran.

Valencia

Sebahagian besar infrastruktur pembangunan perumahan berpagar ini telah siap untuk mengalu-alukan pembeli awal yang akan menerima rumah mereka mulai hujung tahun ini. Di antaranya ialah padang golf 9 lubang khusus untuk penghuni yang sudah boleh digunakan dan rumah kelab akan dibuka secara tidak rasmi akhir tahun ini.

Review of Operations

TINJAUAN OPERASI

Quarrying and Others

GB Kuari, which is one of Perak's premier quarries and suppliers of road paving materials and services, has been a steady and consistent performer for the group.

The group's construction plant hire operator, Megah Sewa also had a good year, with low plant downtime and high availability, helping to facilitate the early completion of the Sg Selangor Dam as well as the group's other projects, like SPRINT and SMART.

In line with the strategy of streamlining our focus on our core businesses of construction, infrastructure concessions and township development, the group wrote off the balance of its investment in Dyna Plastics.

Corporate Developments

The company, through the MMC-Gamuda Joint Venture received a letter of award in October 2003 for the construction of the electrified double-tracking project from Ipoh to Padang Besar and from Seremban to Johor Bahru for a lump sum price of RM14.448billion. This project will be implemented over four years, with three years for the construction of the infrastructure and an additional year for the systems work.

As this is the country's largest ever infrastructure undertaking, this project will impact positively on the group's future earnings and further strengthen our reputation as a major infrastructure player within the region.

SPLASH, the group's associate that is the concessionaire for the Sungai Selangor Water Supply Scheme Phase 3 (SSP3) is working towards a listing on the Kuala Lumpur Stock Exchange, after it has completed the resolution of the unpaid receivables with the relevant authorities.

Prospects for 2004

Economies within the region, including Malaysia, have gone well past the stage of recovery and are clearly on the path of healthy growth again, supported by favourable demographics and improving business conditions.

Even in the past when the group was able to find opportunities during slow economic cycles, we believe that there will be even better opportunities in more vibrant economic times. The key requirement to succeed for the group, as always, has been our ability to identify viable opportunities in infrastructure development and then being able to secure them through innovative proposals backed by a strong operational capability.

With the record order books that we have already secured, we anticipate a busy year ahead, with even better results for the group next year.

Kuari dan Lain-lain

GB Kuari, yang merupakan salah sebuah kuari dan pembekal bahan-bahan dan perkhidmatan penurap jalan yang terulung di Perak, telah menjadi penyumbang tetap kepada perolehan kumpulan.

Syarikat kumpulan yang menyewakan jentera pembinaan, Megah Sewa, juga memperlihatkan prestasi yang baik. Masa kerosakan yang dapat dikurangkan dan kadar penggunaan yang tinggi membantu mempercepatkan pembinaan Empangan Sungai Selangor dan juga projek-projek kumpulan yang lain, seperti SPRINT dan SMART.

Selaras dengan strategi penyelarasan tumpuan kepada kegiatan pembinaan yang menjadi tunggak perniagaan kami, serta konsesi infrastruktur dan pembangunan taman perumahan, kumpulan menghapus kira baki pelaburannya dalam Dyna Plastics.

Pembangunan Korporat

Syarikat menerima surat pemberian kontrak pembinaan landasan kembar elektrik dari Ipoh ke Padang Besar dan dari Seremban ke Johor Bahru pada bulan Oktober 2003. Projek bernilai RM14.448 bilion ini diperolehi menerusi Usaha Sama MMC-Gamuda dan akan dilaksanakan dalam tempoh empat tahun, iaitu tiga tahun untuk pembinaan infrastruktur dan tambahan satu tahun untuk kerja sistem.

Oleh kerana kontrak pembinaan landasan kembar elektrik ini merupakan projek infrastruktur terbesar di negara ini, ia akan memberi kesan positif kepada pendapatan kumpulan pada masa hadapan dan mengukuhkan lagi reputasi kami sebagai pembina infrastruktur utama di rantau ini.

SPLASH, sekutu kumpulan yang memegang konsesi Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3), sedang membuat persediaan untuk penyenaarai di Bursa Saham Kuala Lumpur, selepas ia mencapai penyelesaian mengenai bayaran belum terima dengan pihak berkuasa berkenaan.

Prospek bagi Tahun 2004

Ekonomi rantau ini, termasuk Malaysia, telah melepasi peringkat pemulihan dan sudah kembali ke landasan pertumbuhan yang sihat, disokong pasaran pengguna yang kukuh dan iklim perniagaan yang bertambah baik.

Jika dalam keadaan kelembapan ekonomi pada masa lalu kumpulan mampu mencari peluang pertumbuhan, kami percaya dalam keadaan ekonomi semasa yang lebih kukuh, terdapat lebih banyak peluang yang lebih baik untuk dimanfaatkan. Namun, seperti lazimnya, kejayaan kumpulan bergantung kepada keupayaan untuk mengenal pasti dan merebut peluang-peluang yang berdaya maju dalam pembangunan infrastruktur, menerusi cadangan-cadangan yang inovatif dan disokong oleh keupayaan operasi yang kukuh.

Berdasarkan buku pesanan yang mencatatkan rekod terbaik, kami meramalkan bahawa kegiatan yang sibuk pada tahun akan datang akan membolehkan kami mencapai keputusan yang lebih baik bagi kumpulan pada tahun hadapan.